



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

BERSAMA MENUJU KEJAYAAN

Tarikh Dibaca:

**28 ZULHIJJAH 1445H /
5 JULAI 2024**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
جَاْبَاتُنَّ الْكَمْجَاهِدَ اِلَّا اِسْلَامُ مَلِيسا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BERSAMA MENUJU KEJAYAAN

5 JULAI 2024 / 28 ZULHIJJAH 1445H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحَمَنِ الرَّحِيْمِ :

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللّٰهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَاغَمًا كَثِيرًا وَسَعَةً وَمَنْ يَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهِ
مُهَاجِرًا إِلَى اللّٰهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُدْرِكُهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللّٰهِ وَكَانَ اللّٰهُ غَفُورًا

رَحِيمًا ۖ (سورة النساء)

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ
اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Bersempena Sambutan Maal Hijrah Tahun 1446 yang bertemakan “**Al-Falah Pemangkin Malaysia Madani**”, maka pada hari ini saya akan menyampaikan khutbah bertajuk: “**Bersama Menuju Kejayaan**”.

Sebelum itu, saya ingin mengajak umat Islam sekalian untuk terus mendoakan keselamatan penduduk Palestin yang sekian lama menjadi mangsa kekejaman rejim zionis Israel *laknatullahi alaihim*. Panjatkanlah sebenar-benar pertolongan kita kepada Allah SWT Yang Maha Gagah, Yang Maha Kuasa untuk membantu penduduk Palestin bebas dari segala bentuk penindasan dan kekejaman. Saya juga ingin menyeru kepada semua untuk mendoakan kesejahteraan dan keselamatan negara kita khususnya serta dijauhkan dari sebarang bentuk malapetaka, kekacauan, perbuatan khianat dan huru-hara.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Perkataan “hijrah” membawa maksud yang sangat luas. Konsep hijrah tidaklah tertumpu kepada maksud perpindahan secara fizikal semata-mata. Rasulullah SAW juga telah menegaskan bahawa tiada lagi hijrah (secara fizikal sebagaimana yang dilakukan oleh Baginda dan para sahabat) selepas pembukaan Kota Makkah¹. Hadis ini dapat difahami dengan lebih jelas lagi menerusi riwayat lain daripada Mujasyi' bin Mas'ud al-Sulami yang menceritakan bahawa beliau telah datang kepada Nabi SAW untuk berba'i'ah demi berjihad dengan Baginda SAW. Lalu Baginda SAW bersabda: “*Sesungguhnya hijrah telah selesai untuk ahlinya, tetapi (berba'i'ah) demi Islam, jihad dan kebaikan*”.²

Hijrah juga membawa makna perubahan ke arah sesuatu yang baik sama ada berpindah dari sesuatu tempat yang tidak aman ke tempat yang aman, atau juga dari perkara-perkara buruk kepada perkara-perkara yang baik sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Muddaththir ayat 5:

وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ .

Maksudnya: “*Dan segala kejahatan, maka hendaklah engkau jauhi*”.

¹ Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim

² Hadis riwayat Imam Muslim

Maka, secara mudahnya, erti kata hijrah ini boleh diguna pakai dalam banyak sudut dan peringkat termasuk dalam merangka dasar dan polisi kerajaan. Natijahnya ialah untuk menuju kepada sebuah kejayaan (*al-falah*) sama ada kepada diri sendiri, masyarakat dan negara seluruhnya.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Seruan menuju kejayaan (*al-falah*) ini bertepatan dengan matlamat membangunkan masyarakat yang bertamadun dan memiliki pemikiran dan peradaban yang tinggi seiring dengan kemajuan dari sudut ekonomi dan kebendaan. Ia juga diinspirasi daripada semangat “*hayya ‘alal falah*” yang berkumandang lima kali sehari mengajak setiap umat Islam untuk bersama-sama menuju kejayaan berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Lalu, bagaimana yang dikatakan dengan orang-orang yang berjaya itu?

Secara ringkasnya, al-Quran telah menggariskan beberapa ciri orang yang berjaya. Antaranya sebagaimana disebut dalam Surah al-Mu’minun ayat 1 hingga 9. Allah SWT menggariskan **tujuh kriteria** yang boleh membentuk *al-falah* dalam diri seseorang iaitu beriman dengan Allah SWT, para Rasul dan hari akhirat, khusyuk dalam solat dengan patuh dan takut kepada Allah SWT, menjauhi perkataan keji, maksiat serta perkara-perkara yang melalaikan, menunaikan zakat sebagai medium penyucian jiwa, memelihara kehormatan, menunaikan amanah serta janji dan memelihara solat dengan sempurna. Ketujuh-tujuh kriteria *al-falah* ini akan diganjari dengan ganjaran syurga tertinggi di hari akhirat kelak.

Orang yang berjaya juga ialah mereka yang berusaha menyeru kepada perkara kebaikan dan melaksanakan amar makruf dan nahi munkar. Lihat dalam Surah ali Imran, Allah SWT berfirman:

وَلَتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَا هُنَّ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ١٤

Maksudnya: “Dan hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang

baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”. (**Surah ali Imran ayat 104**)

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Ada sebuah hadis yang diriwayatkan daripada 'Uqbah bin 'Amir, beliau bertanya: “Wahai Rasulullah! Apakah itu kejayaan? Jawapan Baginda SAW:

أَمْسِكْ عَلَيْكَ لِسَانَكَ وَلَيْسَعُكَ بَيْتُكَ وَابْنُكَ عَلَىٰ خَطِيئَتِكَ

“*Jagalah lidah kamu, lazimilah rumah kamu (dengan melakukan kebaikan di dalamnya), menanggalkan atas kesalahan kamu*”.³

Menariknya hadis ini. Baginda ditanya tentang kejayaan, akan tetapi, dengan berhikmah, Baginda SAW mengalihkan fokus kepada ‘cara untuk berjaya’ iaitu dengan menjaga lidah (dari berkata yang keji dan sia-sia), sentiasa melakukan amal kebaikan, dan seterusnya bertaubat kepada Allah SWT.

Selain itu juga, Allah SWT menyifatkan kejayaan memasuki syurga-Nya sebagai satu kejayaan yang paling besar. Firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah ayat 72:

وَعَدَ اللَّهُ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَمَسَاكِنَ طَيِّبَةً

فِي جَنَّاتٍ عَذْنٍ وَرِضْوَانٍ مِنَ اللَّهِ أَكْبَرُ ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ^{٧٦}

Maksudnya: “Allah menjanjikan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, (akan beroleh) Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka kekal di dalamnya dan beroleh tempat-tempat yang baik di dalam "Syurga Adn" serta keredhaan dari Allah yang lebih besar kemuliaannya; (balasan) yang demikian itulah kejayaan yang besar”.

Justeru, untuk termasuk dalam kalangan hamba-Nya yang berjaya, maka hendaknya kita berperilaku dengan tingkah-laku dan sifat-sifat orang berjaya sebagaimana yang telah disebutkan tadi. Kita akan mendapatkan segala nikmat yang telah dijanjikan oleh Allah

³ Jami' at-Tirmizi, Kitab az-Zuhd, no: 2406, At-Tirmizi berkata: Hadis Hasan

SWT ini, dengan syarat kita melaksanakan segala apa yang telah diperintahkan dan tinggalkan segala yang dilarang. Sesungguhnya Allah SWT itu Maha Adil dan Maha Menepati janji-Nya. Marilah kita bersama-sama menjadi hamba-Nya taat dan dengan itu kita menempa sebenar-benar kejayaan di dunia dan di akhirat. *Insya-Allah.*

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, ada beberapa kesimpulan yang saya ingin tekankan;

Pertama: Konsep hijrah membawa maksud yang sangat luas dan ia boleh diguna pakai dalam segenap sudut asal sahaja ia membawa natijah yang baik dan positif.

Kedua: Al-Quran dengan jelas menggariskan ciri-ciri orang yang berjaya sebagaimana dapat dilihat dari Surah al-Mu'minun ayat 1 hingga 6.

Ketiga: Sesungguhnya, sebenar-benar kejayaan itu ialah apabila seseorang itu dapat memasuki syurga-Nya dan selamat dari seksaan api neraka.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 70 – 71:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ۚ يُصْلِحُ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَعْفُرُ لَكُمْ
ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ۖ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara), Supaya Dia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَأَيَا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبِلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تَلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلًا هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تَقْعِيدِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّكُمِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى
النَّبِيِّ يَا عَيْهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً ۖ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَا وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةً مَلِكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا
مولِياً سَرِي قَدوْكَ بِكِينِدا يَعْ دَفْرَتوَانَ اكْنُوْغْ سُلْطَانَ إِبْرَاهِيمَ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مولِياً سَرِي قَدوْكَ بِكِينِدا راجِ فَرْمَايُوسِي اكْنُوْغْ، راجِ
زَارِيَثُ صُوفِيَاَهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عَلِمَاءَهُ وَوزَراءَهُ وَقُضاةَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاَهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ انصِرْ الْمُسْلِمِينَ الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ارْحِمْ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ.

اللَّهُمَّ اكْشِفْ الْغَمَةَ عَنْ أُمَّتِنَا، اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تُرْفَعَ الْبَلَاءُ عَنْ غَرَّةِ وَاهْلِهَا، وَأَنْ

تُنْصِرَهُمْ عَلَى عَدُوِّهِمْ، وَأَنْ تُرْحِمَ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ، وَأَنْ تُكْشِفَ الْغَمَةَ عَنْ

أُمَّتِنَا، اللَّهُمَّ عَافِنَا وَالْطُّفْ بَنَآ وَاحْفَظْنَا وَانْصُرْنَا وَفَرِجْ عَنَّا وَالْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اكْفِنَا

وَإِيَّاهُمْ جَمِيعًا شَرَّ مَصَابِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا

وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلْدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ

الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتَانَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.